

## **‘AWANG KEBUNCUAN ISI BUKIT PARAI AMAS’: SIRAM (CERITA LIPUR LARA) PUAK DUSUN DI BRUNEI**

**‘AWANG KEBUNCUAN ISI BUKIT PARAI AMAS’: SIRAM (FOLKLORE) DUSUN TRIBE IN BRUNEI**

**Maslin Bin Haji Jukim**  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Brunei Darussalam  
Jalan Tungku Link, Gadong  
BE1410, Brunei

**Email:** maslin.jukim@ubd.edu.bn  
maslin.jukim@gmail.com

(Dihantar: 17 Oktober 2021; Diterima: 24 Disember 2021)

### **Abstrak**

Kajian ini meneliti tentang cerita lipur lara dalam korpus Kesusastraan Melayu Tradisional Brunei. Cerita lipur yang dimaksudkan ialah daripada Puak Dusun di Brunei yang menyebutnya sebagai ‘*siram*’. Bahan penelitian tertumpu pada *siram* “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas”. Bahan ini diperolehi melalui metodologi kerja lapangan (*fieldwork*) yang melibatkan aktiviti rakaman, transkripsi dan terjemahan daripada pencerita yang dipilih, Dayang Sipat Binti Tunggong. Beliau berkedudukan sebagai *balian* dalam upacara *temarok* puak Dusun di Brunei. Penelitian ini mempunyai objektif untuk menstruktur unsur naratif *siram* ini dan untuk memperlihatkan pengisian cerita setiap plot *siram* ini sejajar dengan pembahagian plot umum cerita lipur lara. Oleh itu, fokus penelitian ini ialah unsur plot sahaja dengan menggunakan pendekatan struktural. Dapatan penelitian memperlihatkan adanya kelainan yang mengisi struktur plot *siram* ini dan sekali gus mempersoalkan tentang sifat dongeng dan sakralnya.

**Kata Kunci:** Siram, Puak Dusun, Sakral, Balian, Warisan Brunei

## Abstract

This study analysis is regarding a story in the corpus of Brunei Traditional Malay Literature. The folktale in question is from the Dusun Tribe in Brunei who call it 'siram'. The research material focused on the 'siram', "Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas". This material is obtained through fieldwork methodology which involves recording, transcription and translation activities from the selected narrator, Dayang Sipat Binti Tunggong. She held the position of *balian* in the temarok ceremony of the Dusun tribe in Brunei. This study has the objective to structure the narrative elements of this 'siram' and to show the content in each of these 'siram' plots in line with the general plot division of the folktale. Therefore, the focus of this study is solely on the plot element while using a structural approach. The findings of the study show that there are abnormalities that fill the structure of this 'siram' plot which questions the nature of its folklore and sacredness.

**Keywords:** Siram, Dusun Tribe, Sacredness, Balian, Brunei Heritage

## 1.0 Pendahuluan

Terdapat beberapa istilah yang berhubung kait dengan genre cerita lipur lara dalam korpus kesusastraan Melayu tradisional Brunei. Istilah-istilah ini bersifat setempat dan sesuai dengan puak atau etnik yang menciptakan dan mendukungnya. Masyarakat Melayu Brunei lebih mengenali genre cerita lipur lara ini sebagai '*diangdangan*'.<sup>1</sup> Puak Melayu Kedayan menyebutnya sebagai '*laba*'.<sup>2</sup> Puak Dusun pula mengatakan 'siram' (Purdano Binchin). Secara struktur naratifnya kesemuanya mempunyai persamaan namun tidak juga dinafikan adanya juga perbezaan dari aspek setempat dan persembahan (Maslin Haji Jukim, 2014).

---

<sup>1</sup> Di antara pengkaji tempatan yang meneliti *diangdangan* ini ialah Karim Shawal (1987), Haji Hashim Haji Abd Hamid (1989), Rosnah Binti Janudin (1990), Awang Ahamed (2000), Ampuan Haji Brahim Bin Ampuan Haji Tengah (2010), Maslin Haji Jukim (2000 & 2014), Syahwal Nizam Bin Haji Yani (2013), Md. Fathullah Bin Hj Md Rashid (2015), dan lain-lain.

<sup>2</sup> Sila lihat *Antologi Sastera ASEAN Bunga Rmpai Sastera Rakyat Brunei* disunting oleh Muslim Burmat (1992).

## 2.0 Bahan Penelitian

Perbincangan ini menumpukan kepada genre cerita lipur lara yang dimiliki puak Dusun di Brunei yang lebih dikenali dalam kalangan mereka sebagai *siram*. Puak Dusun di Brunei merupakan salah sebuah puak yang dimaktubkan sebagai bangsa Melayu selain enam puak yang lain iaitu Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Belait, Murut dan Bisaya yang menjadikannya tujuh puak Melayu Brunei (*Undang-undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961*). Terdapat beberapa buah cerita berbentuk *siram* ini disampaikan oleh orang tua-tua puak Dusun di Brunei yang sempat dirakam untuk dikumpulkan dan didokumentasikan.<sup>3</sup> Walau bagaimanapun, perbincangan ini hanya mengemukakan *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ yang dituturkan oleh Dayang Sipat Binti Tunggong<sup>4</sup> yang dirakam, ditranskripsi dan diterjemah oleh Dayang Aslynnarita Binti Galis pada 19hb Disember 2020.<sup>5</sup> Pada awalnya, *siram* ini pernah dirakamkan pada sekitar awal 1980an oleh Dr. Haji Muhammad Hadi Bin Muhammad Melayong namun alat rakaman yang digunakan ketika itu masih dalam bentuk *tape recorder* dan belum lagi dipindah dalam bentuk digital. Hal ini menimbulkan kesukaran untuk mendapatkan alat *tape player*. Di samping itu, bahasa yang disampaikan seketika bercerita menggunakan bahasa atau dialek Dusun yang kurang difahamai oleh generasi sekarang yang dipercayai penggunaan bahasanya kurang lagi dipraktikkan. Dari lima buah cerita *siram* dalam bentuk *tape recorder* hanya 2 buah cerita sahaja yang dapat ditranskripsi dan difahami. Semua ini tidak menghalang penelitian ini dilakukan demi kepentingan warisan

<sup>3</sup> Sebagai contoh, Purdano Binchin (2002). “*Siram ditaan*: the performance of epic tales of derto in Brunei Dusun society. Tesis Sarjana. Gadong: Universiti Brunei Darussalam.

<sup>4</sup> Beliau merupakan salah seorang ‘Balian’ dalam upacara Temarok bagi masyarakat Dusun.

<sup>5</sup> Beliau merupakan puak Dusun yang bertugas sebagai Penolong Penyelidik dalam Projek Penyelidikan ‘*Siram*’.

Maslin Bin Haji Jukim, “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’: Siram (Cerita Lipur Lara) Puak Dusun Di Brunei” JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 230 – 258

‘intangible’ yang masa kini diuar-uarkan untuk melakukan *preservation* dan *conservation*.<sup>6</sup>

Oleh yang demikian, penyelidikan yang dilakukan terhadap bahan-bahan tersebut masih dalam proses di bawah tajaan Universiti Brunei Darussalam.<sup>7</sup>

### **3.0 Objektif Penelitian**

Sungguhpun berhadapan dengan kesukaran, penelitian ini terus juga dilaksanakan daripada terbiar ditelan kepupusan. Adalah disedari penelitian dalam perbincangan ini belum lagi mendalam sifatnya atau bersifat tinjauan. Justeru, objektif penelitian ini ialah untuk menstruktur naratif *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’. Seterusnya, untuk memperlihatkan pengisian cerita setiap plot *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ sejajar dengan pembahagian plot umum cerita lipur lara.

### **4.0 Metodologi Penelitian**

Bagi peringkat awal penelitian *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ adalah sesuai untuk meneliti struktur naratif ceritanya. Sebagai tinjauan awal pendekatan struktural menjadi kesesuaian penelitian. Pendekatan struktural ini melihat terdapatnya aspek-aspek atau unsur-unsur naratif yang membina sesebuah karya seperti tema, alur atau plot, perwatakan, dan latar atau *setting* yang ada pada sesebuah karya sastera. Unsur-unsur naratif ini menghubungkaitkan di antara satu unsur dengan satu unsur yang

---

<sup>6</sup> 3. “Safeguarding” means measures aimed at ensuring the viability of the intangible cultural heritage, including the identification, documentation, research, preservation, protection, promotion, enhancement, transmission, particularly through formal and non-formal education, as well as the revitalization of the various aspects of such heritage (Article 2, No.3 Text of the Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage – (<https://ich.unesco.org/en/convention#art2>)

<sup>7</sup> Projek Penyelidikan ini diketua oleh Pg Dr. Hajah Siti Noraina Binti Pg. Haji Besar, Dr. Siti Norkhalbi Binti Haji Wahsalfelah, Dr. Haji Muhammad Hadi Bin Muhammad Melayong, Dr. Haji Ramlee Bin Haji Tinkong, Dr. Hajah Asiyah Az-Zahrah Binti Haji Ahmad Kumpoh, dan Dr. Maslin Bin Haji Jukim.

lain sehingga membentuk keseluruhan makna. Menurut de Caro (1986), “*structalist analysis should reveal a basic, underlying patterns which accounts for all the parts of the whole and how they relate to each other in forming the whole*”. Pendekata ini menolak terdapatnya unsur-unsur yang terpisah atau berpisah-pisah di antara satu unsur dengan unsur yang lain dan jika berlaku kuranglah makna karya sastera. Pendekatan struktural ini sudah lama diperkenalkan pada sekitar tahun 1900an dengan pemuka-pemukanya terkenal seperti Ferdinand de saussure, Praha, Levi-Strauss, dan lain-lain. Pendekatan ini menerima kritikan pada sekitar tahun 1950an-1960an namun kepentingannya bagi sesebuah karya sastera masih bugar dan diguna pakai. Hal ini dipertegas oleh Teeuw (1984: 61) yang berpendapat bahwa analisis struktural adalah suatu tahap dalam penelitian sastera yang sukar dihindari, sebab analisis semacam itu (struktural) baru memungkinkan pengertian yang optimal.

Pendekatan struktural ini diaplikasikan terhadap unsur plot sahaja untuk memperlihatkan kesetaraan *siram* ‘Awang Kebuncun Isi Bukit Parai Amas’ dengan pembahagian struktur plot umum cerita lipur lara dalam korpus kesusasteraan Melayu tradisional. Ada yang mengemukakan tiga bahagian iaitu Kelahiran, Pengembaran, dan Penyelesaian malahan ada juga yang menyatakan tiga bahagian tetapi istilah yang digunakan berbeza iaitu Bahagian Awal, Perantauan/pengembaraan/perjuangan, dan Penutup (Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad 1993: 84). Pada masa yang sama, penstrukturran yang dilakukan akan memperlihatkan adanya kelainan yang terdapat dalam jalinan cerita *siram* “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas”.

## **5.0 Sinopsis Terjemahan Siram ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’**

Awang Kebuncuan mempunyai seorang isteri yang bernama Tuan Puteri. Mereka tinggal di Bukit Parai Amas. Isteri Awang Kebuncuan sedang mengandung. Pada suatu hari, Tuan Puteri mengidam ingin memakan daging binatang. Awang Kebuncuan pun berburu ke dalam hutan. “Bok...bok...bok...bok!” Bunyi Kelowot (sejenis monyet bertangan panjang seperti orang utan). Awang Kebuncuan melakukan dengan satu sumpitan sahaja, terus tepat terkena pada badan Kelawot. Kelowot jatuh dari pohon kayu dan mati. Kelawot yang sudah mati itu diikatnya menggunakan rotan untuk dibawanya pulang. Pada masa yang sama, dua orang Sengkawai (seperti pengait atau pemburu kepala) memerhatikan Awang Kebuncuan. Mereka memang berniat jahat dan mahu membunuh Awang Kebuncuan. Salah seorang daripada mereka bernama si Bengawoi yang bersembunyi dan bersedia untuk melakukan sesuatu terhadap Awang Kebuncuan. Kemudian, si Bengawoi memijak hujung tali rotan yang digunakan oleh Awang Kebuncuan untuk mengikat binatang buruannya. Awang Kebuncuan terberhenti dan cuba menarik tali rotan tersebut dari tersangkut namun tidak terlepas. Awang Kebuncuan berasa hairan lalu cuba melihat mengapa tali rotan itu tidak dapat ditarik. Apabila Awang Kebuncuan semakin menghampiri, Si Bengawoi terus menyerang dan memanggang kepala Awang Kebuncuan. Kepala Awang Kebuncuan bercerai dari badannya dan penjahat itu membawa pergi kepala Awang Kebuncuan. Walau bagaimanapun, tubuh Awang Kebuncuan masih boleh bergerak tanpa kepala. Keajaiban ini berlaku apabila Awang Kebuncuan teringatkan isterinya yang sedang menunggu di rumah. Awang Kebuncuan membawa bersama Kelawot binatang buruannya itu pulang.

Apabila tiba di rumah, keadaan di luar rumah gelap dan Awang Kebuncuan meletakkan Kelawot yang dibawanya itu di anjung rumah. Si isteri berasa hairan sikap suaminya yang tidak mahu naik ke rumah. Sebelum meninggalkan rumahnya suaminya berpesan meminta Tuan Puteri untuk tinggal sahaja di rumah dan tidak mencarinya. Permintaan suaminya membimbangkan Tuan Puteri dan terus cuba mengejar suaminya walaupun terpaksa berjalan di dalam hutan yang gelap. Tuan Puteri merasa letih dan terlena sewaktu berehat. Tiba-tiba Tuan Puteri terjaga apabila dikejutkan dengan suatu bisikan ghaib sewaktu Tuan Puteri tidur lena. Tuan Puteri meneruskan perjalannya mencari suaminya. Semasa pencarian suaminya, Tuan Puteri bertemu dengan bunga Telagap. Malangnya bunga Telagap tidak dapat menolong Tuan Puteri kerana tidak tahu arah perjalanan dan keberadaan Awang Kebuncuan. Kemudian, Tuan Puteri bertemu pula dengan Buluh Aur. Buluh Aur menipu Tuan Puteri dengan menunjukkan arah yang salah.

Keesokan harinya, suara ghaib itu sekali lagi mengejutkan Tuan Puteri yang sedang tidur. Suara ghaib tersebut mengarahkan Tuan Puteri untuk pergi ke suatu tempat. Di sana nanti Tuan Puteri akan menemukan sebuah pondok dan kebun milik seorang Nenek Kebayan. Tuan Puteri pun pergi menuju ke suatu tempat yang dimaksudkan dan menemui Nenek Kebayan. Tuan Puteri menceritakan hajatnya. Nenek Kebayan menyatakan kepada Tuan Puteri bahawa Awang Kebuncuan berada tidak jauh malah berhampiran. Sebelum Awang Kebuncuan datang ke pondok itu, Nenek Kebayang memberi Tuan Puteri makan dan memintanya untuk mandi terlebih dahulu. Kemudian, Tuan Puteri pun disuruhnya bersembunyi di dalam sebiji tempayan besar. Awang

Kebuncuan sedang menyiapkan *anjungnya* (perahu besar) untuknya menyeberang hutan yang luas itu. Apabila anjung tersebut siap dibina, Awang Kebuncuan pun menemui Nenek Kebayan dan memakan nasi yang dihidangkan oleh Nenek Kebayan. Sewaktu Awang Kebuncuan memakan nasi tersebut, terhidu seperti bau isterinya lalu menangis.

Pada hari berikutnya, Awang Kebuncuan sudah mula ingin berangkat meninggalkan pondok Nenek Kebayan. Pondok tersebut berada di tebing sungai. Nenek Kebayan menbangunkan dan mengeluarkan Tuan Puteri dari persembunyiannya di dalam sebiji tempayan besar. Tuan Puteri disuruh mandi dengan air bunga yang disediakan oleh Nenek Kebayan agar badannya tidak keciuman bau manusia. Disediakannya juga tujuh batang sigup dan tujuh lipat sirih berisi kapur. Dengan segera Nenek Kebayan mengarahkan Tuan Puteri untuk melontarkan batang sigup tadi kepada Awang Kebuncuan. Sigup yang dilontarkan pada dandang anjung Awang Kebuncub agar Awang Kebuncuan sedar bahawa isterinya berada di belakang. Namun, Awang Kebuncuan tidak menghentikan anjungnya. Dengan lontaran segulung sigup yang ketujuh, barulah Awang Kebuncuan sedar dan menoleh ke belakang. Dia mendapati isterinya berada di tebing sungai. Dengan perasaan gembira akan kesetiaan Tuan Puteri terhadapnya, Awang Kebuncuan pun berpatah balik ke tebing. Awang Kebuncuan berhasrat untuk membawa isterinya pindah dan membina rumah yang baharu.

Rumah baharu yang dibina oleh Awang Kebuncuan mempunyai ukuran 140 depa besarnya. Rumah tersebut dibina di dalam hutan di Bukit Parai Amas. Sektika mereka tinggal bersama, Awang Kebuncuan berpesan kepada isterinya supaya tidak memukul

Maslin Bin Haji Jukim, “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas”: *Siram* (Cerita Lipur Lara) Puak Dusun Di Brunei” JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 230 – 258

dirinya dengan *gegawi* atau *supit*. Ini adalah pantang besar yang perlu dielakkan kerana jika berlaku boleh mengakibatkan Awang Kebuncuan meninggal dunia.

Sejak peristiwa itu, dipercayai bahawa roh orang-orang Dusun tidak akan singgah untuk berjumpa dengan Nenek Kebayan lagi. Bagi mereka, Nenek Kebayan seorang yang penipu. Dari cerita Awang Kebuncuan ini, Nenek Kebayan dianggap menipu kerana dia sanggup menyorokkan isteri Awang Kebuncuan dari pengetahuannya. Hakikatnya, Nenek Kebayan cuba untuk mengelakkan Awang Kebuncuan menemui isterinya. Perbuatan Nenek Kebayan berusaha untuk mengelakkan bau manusia melekat pada badan air mandian bunga yang Nenek Kebayan sediakan itu agar bau badan Tuan Puteri tidak dihidu seperti bau manusia. Sigup gulung dan daun sirih pula digunakan untuk menghayalkan Awang Kebuncuan agar tidak mengetahui bahawa isterinya itu adalah manusia.

## 6.0 Analisis dan Diskusi

Sebagaimana cerita lisan yang lain khususnya cerita lipur lara, *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ ini dimulakan dengan latar tempat, kediaman dan watak. Watak yang dikemukakan dalam *siram* ini ialah Awang Kebuncuan dan isterinya bernama Tuan Puteri. Latar tempat ini menurut kepercayaan puak Dusun terletak di atas kayangan dan watak-watak yang terlibat sebagai watak utama berhubung kait dengan ‘derato’.<sup>8</sup> Oleh sebab itu, informan begitu berat untuk menceritakan *siram* ini kerana adanya sifat

---

<sup>8</sup> Tuhan/dewa

Maslin Bin Haji Jukim, “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas”: *Siram* (Cerita Lipur Lara) Puak Dusun Di Brunei” JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 230 – 258

sakralnya ditambah pula informan merupakan seorang ‘balian’ dalam upacara ‘temarok’ iaitu ritual kepercayaan puak Dusun yang berhubung kait dengan penanaman padi.

00:34

*Yawang Kebuncuan, bininya tu Tuan Putri. Jadi, tampat durang tinggal di Bukit Parai Amas. Bukit...Bukit Parai Amas. Jadi, bininya ani betian. Mau makan ah macam-macam daginglah, mau makan.*

Pergerakan cerita dimulakan dengan ‘ketiadaan’ diambil dan diadaptasi daripada pendapat Propp (1968) yang menyatakan “*the narratives all shared 31 distinct functions*”. Salah satu fungsi itu ialah *absentee* atau ketiadaan. Ketiadaan dalam plot *siram* “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ ialah keinginan seorang isteri yang sedang mengandung dan mengidamkan memakan daging binatang. Ketiadaan yang dimaksudkan ialah Tuan Puteri sedang mengidam untuk memakan daging binatang. Setentunya, dalam rumah tidak tersimpan daging binatang yang diidamkan untuk dimasak bagi memenuhi keinginan Tuan Puteri. Oleh sebab ketiadaan ini, Awang Kebuncuan harus keluar berburu bagi mendapatkan daging binatang yang menjadi keinginan isterinya.

00:34

*...Ada bunyi kelawot. Ada ni ah kelawot sini. Ah atu, bok...boh...bok...boh...bok...! iatah tarus tah lakinya ani ambil anu sumpit kan. Iatah ya bejalan. la...ia nyumpit satu, turun tah, mati bah.*

*Engkawot ani?*

*Ah, kelawot.*

*Ah...kelawot.*

*Macam...macam ambuk bah tu.*

Aksi Awang Kebuncuan meninggalkan rumah adalah memenuhi pergerakan ‘keluar’ yang membawa maksud yang sama fungsi *absentee*. Menurut Propp (1968) fungsi *absentee* ini pada kebiasannya, ‘one of the members of a family absents himself from home.’ Terdapat dua perkara yang berlaku untuk memenuhi fungsi ini. Pertama, ketiadaan yang direpresentasi oleh Tuan Puteri yang mengidamkan memakan daging binatang dan urutunnya membuatkan tindakan wira, Awang Kebuncuan keluar meninggalkan rumah bersebabkan ketiadaan. Oleh yang demikian, Awang Kebuncuan pergi berburu untuk memenuhi permintaan Tuan Puteri yang sedang mengidam. Pergerakan keluar Awang Kebuncuan dari rumah menggambarkan tindakan meninggalkan zon selamat (*comfort zone*) dan akan berhadapan pelbagai hambatan di luar dari rumah seterusnya mengisi plot perantauan atau pengembaraan.

Berdasarkan pembahagian struktur plot cerita lipur lara, bahagian permulaan biasa diceritakan tentang kelahiran wira dalam keadaan istimewa ataupun aneh – biasanya disertai tanda-tanda kesaktian dan kelebihannya (Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad, 1993:85). Hal ini tidak berlaku dalam *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’. Bahagian awal atau kelahiran hanya diceritakan tentang isteri wira yang sedang mengandung dan mengidamkan memakan daging binatang. Kemudian, wira harus meninggalkan isterinya untuk mendapatkan daging bintang yang diidamkan isterinya.

Konflik dalam urutan plot *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ terletak pada bahagian pengembalaan. Dalam plot pengembalaan ini wira berhadapan dengan perjuangan atau pertarungan. Setelah wira berhasil mendapatkan binatang buruan bermulalah plot pengembalaan. Sungguhpun pemburuan Awang Kebuncuan mendatangkan hasil dengan menangkap binatang Kelowot, namun dalam kegembiraan ini Awang Kebuncuan bertemu dengan dugaan atau cabaran daripada musuh. Musuh-musuh ini dikenali sebagai orang Sengkawai. Orang Sengkawai ini memang terkenal dengan sikap jahat. Watak penjarah yang ditampilkan bernama si Bengawai iaitu salah seorang dari dua orang Sengkawai. Pertemuan wira dan penjarah ini mewujudkan aksi atau peristiwa percubaan watak penjarah si Bengawai mengganggu Awang Kebuncuan. Peristiwa ini mengisi struktur plot bahagian pengembalaan atau perjuangan.

Sewaktu Awang Kebuncuan berhasil memburu binatang Kelowot, binatang ini diikatnya dengan menggunakan rotan supaya senang dibawanya pulang. Namun, rotan yang digunakan Awang Kebuncuan ini menjadi tumpuan si Bengawai untuk mengganggu Awang Kebuncuan. Kebetulan di dalam hutan itu orang Sengkawai ternampak Awang Buncuan yang berhasil memburu. Timbul niat mereka yang jahat ini untuk membunuh Awang Buncuan. Mereka pun bersembunyi di suatu tempat yang sesuai untuk menyerang Awang Kebuncuan. Apabila tiba masa yang tepat, si Bengawai memijak hujung tali yang dijadikan Awang Kebuncuan mengikat binatang buruannya. Awang Kebuncuan hairan kerana ada sesuatu yang meghalang perjalanannya pulang lalu menarik tali tersebut berulang kali namun tidak berjaya. Awang Kebuncuan pun menariknya perlahan-lahan sehingga membawanya kepada persembunyian si

Bengowai. Apabila semakin dekat, si Bengowai tidak lagi melepas peluangnya menghayun senjatanya pada leher Awang Kebuncuan lalu terpengallah kepalanya. Kepala Awang Kebuncuan itu dibawa oleh si Bengowai pergi meninggalkan badan Awang Kebuncuan.

01:41

*Jadi, sudah nera’tu kamah, kelawot onoh, ah ngalap uwai rotan, rotan pakai ya tarik. Bawa pulang. Ia pun menatak rotan itu, kan anu kan, kan tarik mayat anu kan mayat kelawot itu. Ada orang, penjahat di hutan. Ah...Si Bengawai namanya. Orang macam Sengkapoi. Orang anu bah macam pengait. Diorang pijak tah ujung ah, ujung rotan itu. Jadi ia (Awang Kebuncuan) tarik, nda dapat. Balik ya, Yawang Kebuncuan. Sudah ya balik, tarus diorang bunuh ia. Dipanggal. Apatah lagi, kelawot atau kan, ia simpan, ia bawa pulang. Anu mayat ya tu pulang. Kepalanya mana ada. Diorang ambil. Dorang dua tu ambil.*

Peristiwa ini memunculkan watak penjarah sebagai tentangan kepada wira. Dalam peristiwa ini penjarah dapat memenuhi hajtanya untuk membunuh wira dengan memenggal kepala Awang Kebuncuan sehingga bercerai daripada badannya. Anehnya, aksi penjarah si Bengowai ini seolah-olah memberikan gambaran berakhirnya cerita kerana wira sudah mati. Namun, apa yang berlaku dalam peritiwa ini ialah Awang Kebuncuan mampu lagi hidup tanpa kepala. Badan Awang Kebuncuan tanpa berkepala ini meneruskan perjalannya pulang dan masih membawa binatang buruannya. Wira bersemangat untuk bergerak meneruskan perjalanan pulang semata-mata teringatkan

isterinya Tuan Puteri sedang menunggunya pulang dengan membawa daging binatang idamannya.

02:44

*Yang kelawot atu, sapa bawa?*

*Ah ia. Ia bawa ia bawa arah bininya.*

*Oh, badannya saja jalan ni?*

*Awu.*

*Nada kepala.*

*Kepala nada, iatah jadi dugal tu. Anu, ugol...ugol kata diorang tu. Malam bah sudah tu. Sampai ke rumah, “Oi Ning”, kata o, maklumlah orang baserita kan, ia panggil bininya Yuning. Bininya panggil ia Orang Muda. Ah Orang Muda.*

Kemudian, apabila sampai di perkarangan rumahnya, dalam keadaan gelap Awang Kebuncuan meletakkan daging binatang buruannya di pantaran (perkerangan/anjung) rumahnya. Sebelum meninggalkan rumahnya secara ghaib, Awang Kebuncuan berpesan kepada Tuan Puteri untuk tinggal sahaja di rumah dan tidak akan mencarinya. Tuan Puteri merasa hairan terhadap tindakan suaminya Awang Kebuncuan. Tuan Puteri tidak mengendahkannya dan terus mengejar untuk mendapatkan suaminya. Tuan Puteri sedaya usaha mengejarnya sehingga masuk ke dalam hutan, namun tidak berjaya. Tuan Puteri merasa penat dan lelah lalu berehat seketika dan tertidur. Tiba-tiba Tuan Puteri terbangun dari tidurnya setelah mendengar suara ghaib. Tuan Puteri meneruskan mencari suaminya sehingga terjumpa dengan

bunga Telagap. Malangnya, bunga Telagap tidak mengetahui keberadaan suami Tuan Puteri. Kemudian, Tuan Puteri lagi terjumpa buluh aur yang menipu tunjuk arah keberadaan suaminya. Peristiwa ini bertukar aksi apabila Tuan Puteri yang selama ini setia menunggu kepulangan suaminya di rumah, namun telah keluar mengembara untuk mencari suaminya, iaitu Awang Kebuncuan. Cabaran-cabaran yang dilaluinya adalah penipuan tunjuk arah yang diterimanya. Di bahagian pengembaraan ini plot cerita diisi dengan peristiwa wira menghadapi berbagai-bagai rintangan dan cubaan. Seringkali terjadi peperangan yang hebat antara wira dengan raja-raja, jin dan raksaksa (Zalila Saharif dan Jamilah Haji Ahmad 1993: 87). Akan tetapi dalam *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ tidak berlaku sedemikian. Bahagian ini didominasi dengan penipuan termasuklah aksi Nenek Kebayan yang cuba menghalang pertemuan Tuan Puteri dengan Awang Kebuncuan.

Pengembaraan Tuan Puteri diteruskan mengikut pertunjuk yang diberikan oleh suara ghaib. Suara ghaib itu mengarahkan Tuan Puteri untuk pergi ke suatu tempat dan di sana nanti Tuan Puteri akan menjumpai sebuah pondok dan kebun. Tuan Puteri sampai di sebuah pondok yang dimaksudkan dalam suara ghaib. Aksi seterusnya menemukan watak pembantu yang pada kelazimannya ialah Nenek Kebayan. Pertemuan Tuan Puteri dan Nenek Kebayan memberi harapan kepada Tuan Puteri setelah menceritakan semua yang terjadi. Nenek Kebayan memberitahu keberadaan Awang Kebuncuan sebenarnya tidak jauh. Oleh itu, sebelum Tuan Puteri berjumpa dengan suaminya, Nenek Kebayan meminta Tuan Puteri mandi terlebih dahulu dan setelah siap makan bersembunyi di dalam sebiji tempayan besar. Pada ketika itu, Awang

Kebuncuan sedang menyiapkan anjungnya (perahu/kapal) untuk menyebarluaskan hutan yang luas. Setelah siap anjungnya ini, Awang Kebuncuan pun memakan nasi terlebih dulu yang dihidangkan oleh Neneh Kebayan. Tiba-tiba Awang Kebuncuan menangis mengenangkan isterinya kerana terhidu bau manusia mirip seperti bau isterinya. Sebagai contoh aksi yang dilakukan atau peristiwa pengembaraan Tuan Puteri seketika mencari Awang Kebuncuan:

04:49

[*Oh, Tuan Putri ni cari lakinya?*]

*Awu. “Ikut ku”, katanya. Bah orang betian. Sudah jalan-jalan, jalan....jalan.... sudah pagi-pagi bah. Bekokok tah ayam ni, pagi-pagi. “Bangun! Bangun!” katanya “Sudah siang ni, kau jalan lagi”. Tebangun tah ya. Ah jalan ya.*

[*Siapa kasi bangun ia?*]

*Iatah suara ghaib. Ah cematu. Sudah cematu, ah jalan ya. Nampak ya bunga atu, bunga anu, bunga tegalap? Yang putih-putih atau kan, macam ah bunga ani bah, bunga arah kitani bah.*

[*Bunga Raya?*]

*Bukan...bukan. Ada lagi tu. Sini adad ulu. Diorang tanam tu.*

[*Apa namanya? Tegalap?*]

*Ah Tegalap Namanya. Ah iatah ya betanya. “Oh ta bunga tegalap, mana laki ku?” “Endadaku tau”, kata kuh nu, bunga tegalap. Nangis lagi ya. Jalan lagi ya.*

Peristiwa di atas merupakan detik-detik pertemuan wira dengan isterinya. Secara langsung, peristiwa ini mengis plot pelarian atau penyelesian seperti yang dinayatakan dalam pembahagian struktur plot cerita lipur iaitu bahagian akhir plot diisi dengan peristiwa kebahagiaan, wira biasanya mencapai semua hajatnya dan dapat menyelesaikan semua masalah pada bahagian akhir cerita (Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad 1993: 87). Nenek Kebayan sesuai dengan wataknya dan memainkan peranan penting dalam menemukan wira dan isterinya. Apabila Awang Kebuncuan mula berangkat meninggalkan pondok Nenek Kebayan, Tuan Puteri disuruh mandi dengan air bunga yang disediakan oleh Nenek Kebayan agar badannya tidak tidak mempunyai bau seperti manusia. Kemudian, sebaik saja selesai mandi Tuan Puteri diberikan tujuh batang sigup dan tujuh lipatan sirih berisi kapur.

11:44

*Jadi...ah diorang dua ni menangis kunun anak ni. Bininya.*

*Nenek Kebayan: Bah...bah...keluar tah kau.*

*Keluar tah mandi apa. Iatah durang buat, anu kan, ada jua sigup tu, ah sigup, sok kapur, sok kapur pakai makan pinang. Ah, sigup tujuh batang, sok kapur tujuh lipat, buat ya.*

Sebaik sahaja Tuan Puteri mendekati Awang Awang Kebucuan, Tuan Puteri perlu membaling batang sigup pada dandang anjung Awang Kebucuan dengan kadar segera. Perbuatan ini dapat dirasakan Awang Kebuncuan tentang keberadaan isterinya. Awang Kebuncuan tidak memberhentikan anjungnya tetapi pada lontaran ke tujuh batang sigup tersebut, Awang Kebuncuan telah menoleh ke belakang dan mendapatkan isterinya yang

berada di tebing sungai. Awang Kebuncuan gembira atas kesetiaan isterinya Tuan Puteri dan berhasrat untuk membawanya bersama di kediamannya yang baharu.

12:19

*Jadi bangun tah ya.*

*Awang Kebuncuan: Jalan tah ku du ah.*

*Sudah yakan bejalan ni, ah anak ani pun disurungnya mandi, mandi apa, mandi aing usak supaya inda bebau kan? Nada bau manusia. Nangis tia kunu.*

*Neneh Kebayan: Bah, sung...! Lapas sudah ya. Ah, jalan arah laut sudah.*

*Boboq...boboq...kunu bunyi ya tu. Anu ah, kelawot. Di atas tiangnya. Tiang anjung ya tu. Menangis tah bininya ani.*

*Neneh Kebayan: Tabak...tabak...! sabitan kunu orang tua atu. Tabak sama gulung tu... sama sigup mu tu. Tabak.*

*Habis sudah tujuh sigup ni ya tabak, inda juu kana.*

*[Kan tabak arah Awang Kebuncuan?]*

*Awu. Arah dandangnya tu. Supaya ia sadar. Ia sudah bejalan.*

13:17

*Tabak lagi sama ani....*

*Neneh Kebayan: Tabak saja.*

*Puteri: Inda tah kana ni du.*

*Neneh Kebayan: Kana...! (menyakinkan). Tabak saja.*

*Tabak tinggal satu. Kana siging perasinya, tarus ia toleh macam ani  
(menolehkan kepala melihat ke belakang). Ia liat, bininya. Balik tah ya.*

*Balik semula arah bininya?*

*Ah balik ke taming.*

*Awang Kebuncuan: Uiiii gat (nada sedih). Ning, jujur gat hatimu kan  
kediaku.*

*Tuntud dusun o, tuntud diorang tu.*

Plot terakhir *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ berlaku peristiwa atau aksi pertemuan kembali Awang Kebuncuan dengan isterinya Tuan Puteri dan berhasrat membawanya pindah ke kediaman yang baharu. Pada kebiasaan inilah *happy ending* atau *live happily ever after*. Kegembiran dan kebahagian *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ ini dengan mendeskripsikan latar kediamannya yang berukuran 140 depa besarnya. Rumah ini Awang Kebuncun bina di tengah-tengah hutan di Bukit Parai Amas. Terdapat pesanan pada penghujung cerita di bahagian peleraian struktur plot *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ ini dengan suatu peristiwa larangan iaitu isterinya, Tuan Puteri dilarang memukul Awang Kebuncuan menggunakan *gegawi* atau *supit*. Jika ini berlaku, Awang Kebuncuan akan meninggal dunia.

14:50

*Awang Kebuncuan: Ani Ning, buat rumah tah kitani.*

*Buat rumah diorang. Seratus empat puluh rupoq. Unu sabit Melayu?*

*Hari? Bulan?*

*Andih. Unu gat sabit Melayu noh ropoq tih? Seropoh tih? Seapa?*

Sedapa?

Ah. Seratus empat puluh kajun.

[Ah rumah durang? Basarnya?]

Ah. Habis tah tu, nada lagi. Nada lagi ceritanya.

[Ah abis tah tu? Ia tinggal sama bininya.]

Awu, di Bukit Parai Amas. Tampat yadu kebayan.

13:47

Awu. Jangan. Onoh gala pantang o kata ah kunu. Dong kou memakang dijayı. Jangan menghampas aku sama legawi, sama sumpit, kerna pantang.

Peristiwa di atas tidak berlaku pada kebiasaan struktur plot bahagian akhir cerita lipur lara. Jika ada pun, hanya berlaku peristiwa penderitaan atau trajedi (Zalila Sharif dan Jamilah Ahmad 1993: 87).

## 7.0 Dapatan Analisis

Berdasarkan pembedahan ringkas struktur naratif *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’, struktur plot dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian kelahiran, bahagian pengembaraan, dan bahagian penyelesaian (Zalila Sharif dn Jamilah Haji Ahmad 1993: 84). Sekalipun ada beberapa istilah yang digunakan menamakan

bahagian-bahagian ini, namun tidak ada perbezaan yang ketara dan tetap juga tiga bahagian struktur plotnya.

Bahagian kelahiran ini dikemukakan tentang watak dan latar tempat penceritaan *siram* ini. Nama-nama watak penting dan utama dikenali sebagai Awang Kebuncuan dan isterinya bernama Tuan Puteri. Watak-watak penting ini yang bekal menggerak plot dalam *siram* ini. Permulaan plot diceritakan tentang isteri Awang Kebuncuan mengidamkan makan daging binatang. Awang Kebuncuan harus mendapatkan idaman isterinya Tuan Puteri yang sedang mengandung. Oleh sebab itu pada bahagian permulaan ini, Awang Kebuncuan terpaksa keluar meninggalkan rumah untuk memenuhi permintaan isterinya. Bahagian kelahiran yang biasanya mengisahkan tentang kelahiran wira dalam struktur plot cerita lipur lara tidak diceritakan dalam *siram* ini. Namun, aksi wira untuk keluar dari rumah atau istana sering berlaku dan mengisi dalam bahagian ini.

Bahagian pengembalaan diisi dengan perantauan dan perjuangan. Pengembalaan dalam *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ ini berlaku terhadap dua watak utama iaitu Awang Kebuncuan dan isterinya Tuan Puteri. Pengembaran pertama berlaku kepada watak Awang Kebuncuan. Awang Kebuncuan yang terpaksa keluar meninggalkan rumahnya untuk pergi berburu dan seterusnya berhadapan dengan pertentangan dengan watak penjarah iaitu si Bengowai yang ingin membunuh Awang Kebuncuan. Watak penjarah ini berjaya memenggal kepala Awang Kebuncuan. Peristiwa ini dianggap sebagai perjuangan atau pertarungan wira namun wira kecundang.

Pada masa yang sama, dua orang Sengkawai (seperti pengait atau pemburu kepala) memerhatikan Awang Kebuncuan. Mereka memang berniat jahat dan mahu membunuh Awang Kebuncuan. Salah seorang daripada mereka bernama si Bengawoi yang bersembunyi dan bersedia untuk melakukan sesuatu terhadap Awang Kebuncuan. Kemudian, si Bengawoi memijak hujung tali rotan yang digunakan oleh Awang Kebuncuan untuk mengikat binatang buruannya. Awang Kebuncuan terberhenti dan cuba menarik tali rotan tersebut dari tersangkut namun tidak terlepas. Awang Kebuncuan berasa hairan lalu cuba melihat mengapa tali rotan itu tidak dapat ditarik. Apabila Awang Kebuncuan semakin menghampiri, Si Bengawoi terus menyerang dan memanggal kepala Awang Kebuncuan. Kepala Awang Kebuncuan bercerai dari bandanya dan penjahat itu membawa pergi kepala Awang Kebuncuan.

Pengembaraan yang dilakukan oleh watak utama tiba-tiba ‘dimatikan’ yakni tewas di tangan musuhnya. Namun, kekuatan rasa kasih dan kesetiaan Awang Kebuncuan terhadap isterinya dan mengenangkan isterinya sedang menunggu kepulangannya dengan harapan membawa daging binatang yang menjadi idamannya, Awang Kebuncuan masih hidup dan mampu meneruskan perjalanan pulang ke kediamannya sekalipun tidak mempunyai kepala. Ini merupakan keajaiban atau kesaktian yang berlaku dalam cerita ini yang pada kebiasaannya di bahagian pengembaraan dan

Maslin Bin Haji Jukim, “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’: Siram (Cerita Lipur Lara) Puak Dusun Di Brunei” JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 230 – 258

perjuangan. Pengembaraan yang diisi dengan pertarungan dengan musuh sama ada manusia atau sebaliknya.

Walau bagaimanapun, tubuh Awang Kebuncuan masih boleh bergerak tanpa kepala. Keajaiban ini berlaku apabila Awang Kebuncuan teringatkan isterinya yang sedang menunggu di rumah. Awang Kebuncuan membawa bersama Kelawot binatang buruannya itu pulang.

Bahagian pengembaran ini juga diisi oleh aksi isteri Awang Kebuncuan, Tuan Puteri. Keganjilan aksi Awang Kebuncuan pulang dari pemburuan dengan meninggalkan pesan untuk berada di rumah dan melarang mencarinya membuatkan Tuan Puteri mengejar suaminya. Aksi Tuan Puteri yang mengejar suaminya merupakan titik tolak mulanya pengembaraan Tuan Puteri sehingga masuk ke dalam hutan.

03:16

*“Oi Ning”, kata a kajun. “Nah kelawot muh”. “Orang Muda” kata o “Engkuwoh gat kou andih nakod?” “Odong noh Ning”, kata kuh nu. “Lain ku teguluh, lain ku adau sengadau tih”, kain nah kuh nu. Soal jawab yodo. “Maya kuh”, ara sawoh.*

*Mana andih maya, tenggalan. Onjop rumoh. Jadi, ada anu lalam kan, plak damit tu, sudah ada lalam, ia nampak sini, lakinya tu. Iatah, lakinya pun lari. Sudah diorang becakap-cakap, ia iku.*

*“Jangan”, katanya. “Jangan ikut, nda bulih”, katanya.*

*Mana ya bulih, kuh ia jadi mayat sudah. Inda juu mau. Kakal ikut, bininya. Ia Nampak lagi tu.*

Beberapa peristiwa berlaku sebagai hambatan dan dugaan Tuan Puteri seketika cuba mendapatkan kembali suaminya. Tuan Puteri mendengar suara ghaib, bertemu dengan bunga Telagap dan penipuan buluh aur. Kemudian, Tuan Puteri bertemu dengan watak pembantu Nenek Kebayan. Sebagai contoh, dipetik dari sinopsis:

Permintaan suaminya membimbangkan Tuan Puteri dan terus cuba mengejar suaminya walaupun terpaksa berjalan di dalam hutan yang gelap.

Tuan Puteri merasa letih dan terlena sewaktu berehat. Tiba-tiba Tuan Puteri terjaga apabila dikejutkan dengan suatu bisikan ghaib sewaktu Tuan Puteri tidur lena. Tuan Puteri meneruskan perjalanananya mencari suaminya.

Semasa pencarian suaminya, Tuan Puteri bertemu dengan bunga Telagap. Malangnya bunga Telagap tidak dapat menolong Tuan Puteri kerana tidak tahu arah perjalanan dan keberadaan Awang Kebuncuan. Kemudian, Tuan Puteri bertemu pula dengan Buluh Aur. Buluh Aur menipu Tuan Puteri dengan menunjukkan arah yang salah.

Bahagian ketiga atau akhir sebagai peleraian. Akhirnya, ditemukan semula watak-watak yang terpisah pada awal bahagian cerita iaitu watak Awang Kebuncuan dan watak Tuan Puteri. Mereka ditemukan kembali dan berhasrat untuk membina kehidupan baru dengan membina sebuah istana yang besar beukuran kira-kira 140 depa di tengah-tengah hutan di atas Bukit Parai Amas.

Paling menarik dalam penelitian *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ ini ialah peranan watak pembantu Nenek Kebayan. Kelazimannya, watak Nenek Kebayan ini membantu watak wira tetapi jika diteliti Nenek Kebayan memiliki perwatakan berbeza walaupun tidak ketara. Nenek Kebayan sengaja menyembunyikan Tuan Puteri supaya tidak diketahui suaminya Awang Kebuncuan yang dapat menghidu bau manusia terutama bau isterinya. Selain Tuan Puteri diminta mandi dan bersembunyi di dalam sebiji tempayan besar, Tuan Puteri juga kena mandi dengan air bunga-bungaan dan diberikan tujuh gulung sigup dan tujuh lipatan sirih berisi kapur. Kesemua ini perbuatan yang tidak membantu watak utama baik kepada Tuan Puteri mahupun Awang Kebuncuan. Mandi bunga mengelak keciuman berbau manusia dan batang sigup dan sirih untuk membuatkan Awang Kebuncuan khayal. Namun, semua ini dapat diharungi kedua-dua watak dan akhirnya mereka bertemu kembali. Oleh sebab kejadian ini, puak Dusun tidak lagi mempercayai Nenek Kebayan. Perhatikan sinopsis dan transkripsi berhubung dengan kepercayaan puak Dusun.

Sejak peristiwa itu, dipercayai bahawa roh orang-orang Dusun tidak akan singgah untuk berjumpa dengan Nenek Kebayan lagi. Bagi mereka, Nenek Kebayan seorang yang penipu. Dari cerita Awang Kebuncuan ini, Nenek Kebayan dianggap menipu kerana dia sanggup menyorokkan isteri Awang Kebuncuan dari pengetahuannya. Hakikatnya, Nenek Kebayan cuba untuk mengelakkan Awang Kebuncuan menemui isterinya. Perbuatan Nenek Kebayan berusaha untuk mengelakkan bau manusia melekat pada badan air mandian bunga yang Nenek Kebayan sediakan itu adalah agar bau badan Tuan Puteri tidak dihidu seperti bau manusia. Sigup gulung dan daun

sirih pula digunakan untuk menghayalkan Awang Kebuncuan agar tidak mengetahui bahawa isterinya itu adalah manusia.

15:33

*Iatah sekarang ani, orang meninggal sini inda tah lagi beranti arah yadu kebayan. Kerna semangat (roh) kitani kana tipu olih yadu kebayan.*

[Cana ia tipu?]

*Bah tipu sudah tu? Inda ya bagitau lakinya tu.*

[Oh...lakinya meninggal.]

*Ah...! Ia tapuk. Kalau ia bagitau, lari bah ya tu. Ia takut bininya. Bininya manusia. Ia sudah semangat (tinggal roh).*

[Tapi ani balik ya semula sama bininya ah?]

*Awu balik tah. Sadar tah ya tu. Kana tu, gulung sama kapur.*

[Oh...atu yang buat ia inda ingat bininya atau manusia?]

*Awu. Cematu bah. Yadu kebayan punya cerita.*

[Yadu kebayan tinggal di mana?]

*Arah rumah ia.*

*Arah Bukit Parai Emas atau.*

Hal ini melontarkan suatu pemikiran tentang *siram* ini yang dikategorikan sebagai dongeng cerita lipur lara. Namun berdasarkan keterangan informan yang menyampaikan *siram* sebagai salah seorang pengamal upacara temarok puak Dusun di Brunei

berperanan sebagai *balian* menyatakan *siram* ini bukan secara bersahaja disampaikan seharusnya dihormati kerana mengandungi cerita tentang watak *derato* dan alam ghaib seperti kayangan bagi mereka percaya tempat derato tinggal berbeza dengan manusia biasa. Justeru, pada awalnya informan menolak untuk menceritakan *siram* ini kerana percaya adanya sifat sakralnya.

## 8.0 Penutupan

Struktur naratif melihat pada pergerakan plot menunjukkan adanya kelainan daripada kebiasaan plot cerita lipur lara. Lazimnya pada bahagian permulan diceritakan tentang kelahiran wira sebagai watak utama dalam cerita lipur lama. Sebaliknya, diceritakan terus tentang isteri watak utama yang sedang mengandung dan mengidamkan untuk memakan daging binatang. Ini menjadi sebab wira terpaksa keluar rumah dengan perisian aksi berburu semata-mata untuk mendapatkan daging binatang yang menjadi keinginan isterinya yang sedang mengandung. Bahagian pertengahan atau pengembaraan berlakunya kepada dua watak iaitu watak suami Awang Kebuncuan dan watak isterinya Tuan Puteri. Pengembaraan Awang Kebuncuan bertujuan untuk mendapatkan makanan keingan isterinya yang sedang mengandung daging binatang melalui berburu. Kemudian, pengembaraan kedua pula berlaku pada watak Tuan Puteri yang mengejar dan mencari suaminya Awang Kebuncuan. Namun, *siram* ‘Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’ ini diakhiri dengan ‘happy ending’ sesuai dengan plot bahagian pelaraian. Tuan Puteri menemukan suaminya kembali dan dibawa bersama Awang Kebuncuan membina sebuah kehidupan baharu dengan membina rumah mereka yang terletak di tengah-tengah hutan di Bukit Parai Amas.

## Rujukan

- A, Teew. (1984). *Sastera dan ilmu sastera Pengantar Teori Sastera*. Jakarta: Dunia Pustaka Jaya.
- Ampuan Haji Brahim Bin Ampuan Haji Tengah. (2010). *Kesusasteraan Brunei Tradisional Pembicaraan Genre Dan Tema*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustka.
- Awang Bin Ahmad. (2000). *Diangdangan Bujang Sigandam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Caro, F, A, de. (1986). “Riddles and Proverbs. Dlm. Elliot Oring (penyt). 1986. *Folk Groups and Folklore Genre an Introduction*. Logan: Utah State University Press.
- Haji Hashim Bin Haji Abd Hamid.(1989). “Hikayat Bujang Maliwala”. *Bahana*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Bin Haji Shawal. (1987). “Diangdangan Sultan Bunga Teliput: Analisis Teks. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Luxemburg et al. (1984). *Pengantar Ilmu Sastera*. (terj. Dick Hartoko). Jakarta: Gramedia.
- Maslin Bin Haji Jukim. (2014). “*Patuturan*: Jati Diri dan Akar Budaya Kebruneian. Disertasi Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Fathullah Bin Hj Rashid dan Maslin Haji Jukim, (2018). “*Diangdangan Si Linung: Analisis Struktur Cerita*”, *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sejarah, Warisan dan Folklor Nusantara*, Universiti Malaysia Sabah.
- Propp, V. (1968). *Morphology of the folktale*. Austin: University of Texas Press.
- Purdano Binchin. (2002). “*Siram ditaan*: the performance of epic tales of derto in Brunei Dusun society. Tesis Sarjana. Gadong: Universiti Brunei Darussalam.
- Syahwal Nizam Bin Haji Yani. (2013). “Motif Penculikan Dalam Diangdangan Brunei”. Latihan Penyelidikan. Gadong : Universiti Brunei Darussalam.

Maslin Bin Haji Jukim, “Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas’: *Siram (Cerita Lipur Lara) Puak Dusun Di Brunei*” JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 230 – 258

\_\_\_\_ dan Maslin Haji Jukim. (2015). “Motif Percintaan dalam Diangdangan Brunei” dlm *Seminar Folklor Nusantara*. Anjurn Persatuan Folklor Malaysia, Perlis, Malaysia.

*Undang-undang Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961.*

Zalila Sharif, Jamilah Haji Ahmad (peny.). (1993). *Kesusateraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.